

# PM: Akujanji

UM 9 OCT 2001

**K**UALA LUMPUR 8 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, langkah memperkenalkan akujanji yang perlu ditandatangani oleh semua kakitangan awam termasuk guru, pensyarah dan pelajar tidak akan melibatkan pindaan terhadap Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU).

Menurut Perdana Menteri, kontrak perkhidmatan itu perlu bagi memastikan kakitangan awam ti-

dak terlibat dalam kegiatan meracuni fikiran pelajar atau penentangan kerajaan yang melampau itu, hanya akan dimasukkan ke dalam Perintah Am yang tidak memerlukan kelulusan Parlimen.

“Semua sekali, pensyarah dan pelajar, semua mesti (menandatangani akujanji), tidak perlu (pindaan terhadap AUKU) kerana ia dimasukkan dalam aturan (Peraturan Am) sahaja,” katanya ketika ditemui di lobi Parlimen hari ini.

Perdana Menteri mengulas lapor-

## tak libatkan pindaan AUKU

an *Utusan* hari ini mengenai lebih 950,000 kakitangan awam termasuk guru sekolah, pensyarah dan pelajar universiti yang diwajibkan menandatangani akujanji atau kontrak perkhidmatan selepas kabinet meluluskannya Rabu lalu.

Akujanji diwujudkan bagi memastikan semua kakitangan awam lebih bertanggungjawab terhadap profesion masing-masing termasuk tidak terlibat dalam kegiatan negatif seperti meracuni pemikiran pelajar sehingga menyimpang dari

tujuan memasuki institusi pengajian tinggi dan terbabit dalam gejala antikerajaan melampau.

Kakitangan kerajaan yang sedang berkhidmat perlu menandatangani syarat akujanji itu manakala Kementerian Pendidikan akan menyelaraskan kerja-kerja disiplin bagi pelajar universiti di bawah AUKU.

Dengan kelulusan kabinet itu, tarikh penguatkuasaan akujanji akan diumumkan sebaik sahaja Ketua Setiausaha Negara dan Ja-

batan Peguam Negara selesai menyemak peruntukan untuk menyegerakan tindakan disiplin terhadap mereka yang melanggar akujanji berkenaan.

Bagi prosedur tindakan disiplin, mereka yang didapati melanggar akujanji akan tetap diberi peluang mendengar kes seperti di bawah Perkara 135 (2) Perlembagaan.

Menurut Dr. Mahathir, kerajaan memutuskan pelaksanaan akujanji itu kerana ada pegawai kerajaan yang sekarang ini tidak mahu me-

matuhi Perintah Am walaupun mereka terikat kepadanya.

Ia bertentangan dengan amalan kakitangan kerajaan sebelum ini yang sentiasa mematuhi apa yang digariskan oleh Perintah Am yang disediakan kerajaan, katanya.

“Jadi untuk menjelaskan keadaan ini kita adakan satu akujanji supaya tidak ada waswas mengenai apa dia tugas pegawai dalam melaksanakan segala arahan kerajaan,” kata Perdana Menteri.